

Mahkamah benar permohonan komital keluarga Muhammad Adib terhadap Tommy

SHAH ALAM - Mahkamah Koroner di sini semalam membenarkan permohonan komital keluarga anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim berhubung perintah komital kepada Peguam Negara, Tommy Thomas kerana menghina mahkamah berkaitan prosiding inkuies bagi mencari punca kematian anggota bomba itu.

Koroner Rofiah Mohamad



memutuskan demikian selepas mendapati wujud prima facie atas imbangkan keberangskalian dalam kes inkuies itu serta berpuas hati dengan hujahan kedua-dua belah pihak yang dikemukakan sebelum ini.

Dalam penghakimannya,

Rofiah berkata, mahkamah membenarkan permohonan itu atas alasan berlaku satu tindakan oleh Tommy yang menjurus kepada penghinaan mahkamah apabila pendirian yang diambil Peguam Negara itu menunjukkan Muhammad Adib tidak dipukul dan ia dibentangkan dalam afidivit sedangkan prosiding inkuies masih belum diputuskan.

Katanya, alasan lain ialah isu pemberhentian pe-

guam Syazlin Mansor yang sebelum ini mewakili keluarga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM).

Berikutan itu, Rofiah menetapkan 23 September ini bagi pendengaran dan pengurusan kes selain akan menentukan sama ada Tommy akan dibicarakan melalui afidavit atau datang sendiri ke mahkamah.